

Amerika boleh

Oleh KHALID MOHD
(Yang meliputi lawatan
Perdana Menteri ke Washington)

UM 19 MAY 2002

DALAM wawancara dengan CNN semasa berada di Washington, Dr. Mahathir Mohamad telah diberitahu oleh wartawan stesen itu bahawa Malaysia tampak "seperti sarang pengganas."

Cara wartawan itu bertanya seolah-olah dia seorang pakar tentang Malaysia. Padahal, wartawan itu tidak pernah pun datang ke Malaysia. Nampak sangat apa tujuan sebenar CNN mahu menemu ramah Perdana Menteri. Dari awal lagi, agendanya begitu jelas. Soalan yang ditanya dan cara ia ditanya menceritakan segala-galanya.

Tidak mengapa hubungan Kuala Lumpur-Washington kembali mesra. Tidak mengapa jika Presiden George W. Bush telah mengubah pandangan terhadap Malaysia. Tidak mengapa jika Amerika Syarikat kini lebih memahami dan menghargai peranan Malaysia.

Bagi CNN, ia tetap dengan apa yang hendak dilakukannya. Apakah CNN tidak senang dengan hubungan baru Kuala Lumpur-Washington? Kenapa? Apakah ada 'hantu' di belakang sikap tidak konstruktifnya itu?

Pun begitu, Dr. Mahathir masih boleh senyum dan menjawab pertanyaan itu (Malaysia sarang pengganas) dengan berkata: "Saya rasa jika anda mahu mencari sarangnya, ia berada di sini, di Amerika Syarikat."

Ternyata Perdana Menteri tidak senang dengan cara CNN menemu ramahnya, tanpa memberi beliau peluang untuk menjawab dengan mendalam tuduhan-tuduhan yang dilemparkan.

Setiba di Kuala Lumpur dan ditanya oleh para wartawan Malaysia tentang temu ramah tersebut, Dr. Mahathir menyifatkannya sebagai satu taktik kotor. Katanya: "Sebelum mengemukakan soalan dia akan membuat kenyataan panjang dahulu yang menuduh kita itu dan ini dan akhirnya dia memberikan soalan yang tiada kaitan dengan kenyataan yang dibuat."

"Dengan cara itu nampak seolah-olah kita menerima kenyataan mereka."

Wartawan CNN itu juga, kata Perdana Menteri, memberikan pendapat yang jauh lebih lama berbanding penjelasan beliau. "Ini satu taktik kotor yang digunakan oleh penemu ramah CNN di mana saya tidak diberi peluang menjawab sedangkan mereka yang menjemput saya untuk ditemu ramah."

Apa yang dilakukan oleh CNN itu adalah gambaran kedudukan hubungan Malaysia-Amerika pada tahun-tahun kebelakangan ini di mana Malaysia saban hari dilemparkan dengan pelbagai tuduhan tidak berasas dan tidak adil.

Akibatnya, Malaysia terpaksa mempertahankan diri dengan mematahkan segala tohmahan itu, dari isu hak asasi manusia hinggalah kepada soal kawalan modal.

Mungkin kerana terlalu angkuh kerana menyedari kita lebih memerlukan mereka, maka pernah tercetus ancaman dan gesaan daripada anggota-anggota Kongres supaya Malaysia dikenakan sekatan perdagangan dan politik. Apa yang Dr. Mahathir sebut dan lakukan diteliti dan kemudian diperkecilkan setiap kali mereka ada

peluang berbuat demikian.

Tetapi seperti mana yang ditunjukkan dalam temu ramah dengan CNN, Dr. Mahathir tidak mudah goyah, jauh sekali boleh diperkotak-katikkan. Beliau tenang dan tetap dengan senyumnya sambil mempertahankan apa yang menjadi pegangan beliau dan Malaysia.

Kita semua tentu ingin diyakinkan bahawa lawatan rasmi Perdana Menteri ke Washington dan pertemuannya dengan Presiden Bush merupakan tanda bahawa kedua-dua buah negara telah meletakkan segala perbezaan di belakang mereka.

Bagaimanapun realitinya tidaklah semudah itu. Perbezaan tetap akan wujud, tetapi kedua-dua buah negara setidak-tidaknya bersetuju bahawa mereka berhak untuk tidak bersetuju. Tidak seperti sebelum ini di mana Amerika Syarikat berkeras bahawa ia betul dalam semua perkara, kini ia menerima bahawa ia tidak mempunyai jawapan kepada semua permasalahan yang dihadapi dunia hari ini.

Tidak konvensional

Ia juga mungkin menerima sebilangan daripada cara yang tidak konvensional yang diambil oleh Malaysia yang telah terbukti lebih berkesan dan praktikal dalam menangani masalah serta cabaran kebelakangan ini.

Kita boleh bergembira bahawa kita telah berjaya memikat hati Amerika Syarikat dan bahawa kini sudah terdapat persefahaman penuh terhadap segala dasar dan tindakan kita. Tapi janganlah ambil mudah. Sebenarnya, terdapat banyak kerja yang perlu dilakukan jika kita mahu mengekalkan hubungan bermakna dengan Amerika Syarikat.

Lawatan Perdana Menteri dan pertemuannya dengan Bush telah membuka jalan ke arah itu. Apa yang telah dilakukannya selama tiga hari di Washington perlu disusuli dengan usaha lebih besar di pihak Malaysia ke arah mempertingkatkan lagi persefahaman melalui penyaluran maklumat dan dialog dengan semua yang berkenaan di Amerika Syarikat.

Perlu diingat, sementara Presiden Bush tidak

dipengaruhi

membangkitkan isu hak asasi semasa bertemu Dr. Mahathir, hal ini akan terus menjadi satu subjek yang akan ditonjol-tonjolkan oleh media Amerika. Ini kerana akan terus ada mereka yang tidak suka melihat hubungan Kuala Lumpur-Washington menjadi baik.

Temu ramah CNN yang tidak menyenangkan itu serta pelbagai laporan lain dalam media Amerika memberi gambaran bahawa Malaysia masih belum mencapai banyak kemajuan dalam pengendalian media.

Ini perkara penting yang memerlukan perhatian serius. Sementara Dr. Mahathir, di peringkat kerajaan, berjaya membuka laluan bagi persefahaman yang lebih tinggi tentang dasar dan pendirian Malaysia, media Amerika masih tidak mahu berubah sama.

Apakah ini kerana soal prinsip yang mereka pegang atau sekadar memelihara ego besar masing-masing?

Apa pun, pengaruh media Amerika tidak boleh dipandang ringan. Dr. Mahathir sendiri telah menyebutnya dan menghantar mesej yang jelas kepada kalangan diplomat Malaysia semasa beliau merasmikan bangunan baru kedutaan Malaysia di Washington.

"Kerana di sinilah duduknya kerajaan yang paling berkuasa di dunia, adalah penting untuk mengetahui apakah kesan laporan media ke atas sikap dan persepsi mereka yang membuat dasar di Washington.

"Ini menjadikan tanggungjawab kedutaan dan kakitangannya lebih besar dari segi mengumpul maklumat untuk kerajaan dan menasihati kita akan bentuk tindakan atau tindak balas yang harus diambil oleh Malaysia," kata Perdana Menteri.

Untuk memenuhi harapan Perdana Menteri dalam perkara ini, kedutaan kita di Washington perlu ada pasukan khas untuk mengendali media dengan petugas profesional dan berpengalaman. Cara sekarang tidak boleh dipakai lagi.

Di Washington sahaja terdapat 4,500 wartawan dan editor serta 38,000 tukang lobi berdaftar.

Amerika Syarikat merupakan kuasa tunggal dunia dan ekonomi terbesar di bumi Allah ini. Malaysia perlu mempunyai hubungan baik dengannya demi kestabilan politik dan ekonomi, suka atau tidak.

Amerika merupakan pasaran terbesar bagi Malaysia. Ia juga merupakan pelabur terbesar di Malaysia. Tahun lalu, dagangan kita dengan Amerika berjumlah AS\$29.6 bilion (RM100.64 bilion). Angka ini menceritakan segala-galanya.

Dari segi pelaburan langsung asing (FDI) pula, signifikannya lebih besar. Pada tahun lalu, jumlah FDI Amerika di Malaysia ialah AS\$10.5 bilion (RM39.9 bilion) yang tertumpu kepada industri pengeluaran serta yang berasaskan petroleum dan perkhidmatan.

Mungkin kesedaran inilah yang telah membawa kepada pendekatan lebih pragmatik dan rasional dengan Amerika Syarikat. Memetik Dr. Mahathir sekali lagi: "Amat jelas kiranya Amerika Syarikat makmur, kita akan makmur dan jika Amerika mengalami kemerosotan seperti yang berlaku pada 2001, ekonomi kita juga akan terjejas teruk."

Hubungan baru

Bahawa hubungan ekonomi kini sudah boleh dikatakan kembali kepada keadaan sedia kala tidak bermakna kita boleh menjadi leka. Akan tiba masanya bila pendirian Malaysia terhadap isu-isu seperti globalisasi dan dagangan bebas akan disalah erti sebagai pendirian terpinggir dan Malaysia perlu dihukum.

Maka menjadi tugas dan tanggungjawab badan seperti Kumpulan Persahabatan Malaysia-Amerika yang baru ditubuhkan itu serta badan lain seperti Majlis Perniagaan AS-ASEAN dan Majlis Perniagaan Malaysia-AS untuk melenyapkan segala salah faham dan memperkukuhkan hubungan baru yang telah diasaskan itu.

Hubungan ini adalah hubungan dua hala. Hari ini, ahli-ahli perniagaan Amerika Syarikat, seperti rakan-rakan mereka dari Malaysia, ingin melihat hubungan stabil yang terus bertambah baik.

Peristiwa 11 September banyak membantu menegakkan pendirian Malaysia. Jika dulu Malaysia tidak berada dalam kedudukan untuk tawar-menawar, kini kita mempunyainya. Dengan menunjukkan betapa ia mampu menangani dengan berkesan pelampau agama sambil mengekalkan keamanan dan kestabilan, Malaysia hari ini bukan lagi sebuah negara yang boleh tidak dipedulikan atau diketepikan, dikritik dan dikanak-nantikan tindakan.

Malaysia memerlukan hubungan baik dengan Amerika Syarikat kerana kepentingan ekonomi dan politik sebagaimana Amerika memerlukan Malaysia sebagai rakan dalam perangnya terhadap keganasan. Presiden Bush dan pentadbirannya sedar bahawa dalam Dr. Mahathir mereka mempunyai seorang rakan Islam yang sederhana dan, lebih daripada itu, seorang yang semakin penting dalam dunia Islam dan di kalangan negara membangun.

Perdana Menteri telah menunjukkan kewibawaannya sebagai rakan yang boleh dipercayai apabila beliau enggan berkompromi dari segi pendirian Malaysia dalam isu Asia Barat serta tentang perlunya dicari penyelesaian politik kepada masalah keganasan.

Amerika Syarikat kini faham bahawa pandangan berbeza tidak membuat Malaysia menjadi anti-Amerika. Mereka kini lebih bersedia untuk mendengar pandangan-pandangan berbeza dengan fikiran terbuka dan lebih bersedia untuk cuba memahaminya, walaupun tidak bersetuju dengannya.

Dr. Mahathir menegaskan ini pada jamuan malam Majlis Perniagaan AS-ASEAN dengan berkata: "Jika kita boleh menerima bahawa akan sentiasa terdapat perbezaan di antara kita - perbezaan budaya, nilai dan pandangan, maka akan ada toleransi lebih tinggi di antara kita. Dengan itu, kita akan dapat hidup dengan aman dan dalam semangat persahabatan, antara kita."

Perdana Menteri sudah pun meletakkan asas ke arah membina serta memperkukuhkan lagi persahabatan itu serta rasa yakin dan percaya di antara kedua-dua negara. Persoalan sekarang, dapatkah apa yang telah beliau mulakan itu diteruskan?

Beliau telah pergi ke Washington dan melakukan apa yang beliau perlu lakukan, seperti yang dihasratkan oleh semua pihak. Supaya usahanya tidak terbuang, kini masa bagi semua pihak lain memainkan peranan mereka pula.

Amerika Syarikat boleh dipengaruhi. Kita perlu bekerja kuat.